

BAB I

***“ABŪ JA‘FAR AL-MANŞŪR DAN
‘ABD ALLĀH B. ‘ALĪ : LATAR
BELAKANG TOKOH”***

BAB I

ABŪ JA'FAR AL-MANŠŪR DAN 'ABD ALLĀH B. 'ALĪ: LATAR BELAKANG TOKOH

1.1 ABŪ JA'FAR AL-MANŠŪR (95H/713M)

1.1.1 *Kelahiran*

Beliau bernama 'Abd Allāh Abū Ja'far al-Manšūr b. Muḥammad b. 'Alī b. 'Abd Allāh b. al-'Abbās. Dilahirkan pada tahun 95H / 713M atau pada tahun 101H 719 M di Ḥamīmah di penghujung pemerintahan Khalīfah 'Umar b. 'Abd al-'Azīz.¹ Ḥamīmah adalah sebuah perkampungan kecil di daerah Syurāh berhampiran dengan 'Aqabah. Perkampungan ini terletak di kawasan Selatan Palestin dan sekarang adalah sebahagian dari perkampungan di kawasan Timur Jordan.² Bapa dan datuknya berpindah ke Ḥamīmah dan menetap di sana. Ibunya bernama Salāmah, berketurunan Barbar seorang *Ummu Walad*.³ Bapa beliau adalah salah seorang dari dua puluh dua orang anak kepada 'Alī b. 'Abd Allāh b. al-'Abbās. Datuknya ('Alī b. 'Abd Allāh) mempunyai keluarga yang besar serta menanggung bebanan hutang yang banyak.⁴

¹ Al-Ya'qūbī, Aḥmad b. Ja'far b. Waḥb b. Wādīh (t.t.), *Tarīkh al-Ya'qūbī*, j. 2, Beirut : Dār Šādir, h. 322.

² Ibn Manẓūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad b. Makram (t.t.), *Lisān al-'Arab*, j. 4, Mesir: Dār al-Ma'ārif, Kaḥerah, h. 2255.

³ Al-Ya'qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 322. Riwayat al-Mas'ūdī menyatakan bahawa ibunya bernama Salāmah binti Basyr dan lahir di Baṣrah. Lihat al-Mas'ūdī, Abū al-Ḥasan 'Alī b. al-Husayn (1956), *al-Taḥbīh wa al-Isyrāf*, Mesir : al-Maṭba'ah al-Bahiyyah, h. 75.

⁴ Ibid. : Ibn Manẓūr (t.t.) op. cit.

1.1.2 Pendidikan

Laporan Sejarah menyebut bahawa sejak kecil lagi Abū Ja'fār al-Manṣūr telah memperlihatkan sifat-sifat kecerdikan dan kepintaran. Tanda-tanda kepintaran itu jelas membayangkan masa depannya yang baik dan cemerlang. Keazaman dan kebijaksanaannya dikatakan agak terkehadapan berbanding umurnya. Pemikirannya lebih matang berbanding rakan sebayanya.

Hal ini disebabkan beliau membesar dan diasuh dalam kumpulan tokoh-tokoh Banī Hāsyim. Beliau amat rapat dengan bapa dan datuknya. Justeru dari keterlibatannya yang baik dalam bidang ilmu dan sastera di samping membesar dalam kelompok tokoh-tokoh Banī Hāsyim, maka beliau lahir sebagai seorang ahli sastera yang *balīgh* dan *fayīḥ* serta mahir dalam sejarah raja-raja dan para pemerintah.⁵ Beliau juga mahir dalam ilmu Ḥadīth, Fiqh dan sebagainya.⁶

1.1.3 Keturunan

Kebanyakan Khalifah *daulah* Banī 'Abbās beribukan orang '*ajam* (bukan Arab) samada berbangsa Parsi, Turki, Rom, Kurdish. Barbar, Habsyī, Afrika dan

⁵ Al-Dhahabī, Syams al-Dīn Abu 'Abd Allāh Muḥammad b. Aḥmad (1974), *Duwal al-Islām*, j. 1, Mesir: Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb, h. 93; Al-Mas'ūdī (1346H), *Murāj al-Dhahab wa Ma'ādin al-Jawhar*, j. 2, Mesir: Maṭba'ah al-Bahiyah, h. 181; Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān b. Abū Bakr (t.t.), *Tarīkh al-Khulafā'*, Mesir: Maktabah al-Nahḍah, h. 259.

⁶ Ibn Ṭabā Ṭibā (1966), *al-Fakhrī fī al-Ādāb al-Sulṭāniyyah wa al-Duwal al-Islāmiyyah*, Beirut: Dār Beirut li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr, h. 141-142.

lain-lain. Jadual berikut menunjukkan keturunan asal ibu kepada beberapa Khalīfah yang memerintah *daulah* ‘Abbasiyyah:⁷

Nama Khalifah	Bangsa Ibunya	Nama Khalifah	Bangsa Ibunya
Ibrahīm al-Imām	Barbar	Al-Ma'mūn	Parsi
Al-Manşūr	Barbar	Al-Muntaşir Allāh	Bi Habsyah-Rom
Al-Rasyīd	Harsy / Jarsy	Al-Musta'in Allāh	Bi Şaqaliyyah
Ibrāhīm al-Mahdī	Afrika	Al-Mu'taz	Jāriah ? ⁸
Al-Muhtadī	Rom	Al-Mustaḍī	Armenia
Al-Muqtadir	Turki	Al-Nāşir	Turki
Al-Muktaṭī	Turki		

Dari jadual di atas jelas bahawa ibu Abū Ja'far al-Manşūr adalah seorang *Ummu Walad*, bekas hamba berketurunan *Barbar* atau dari Şonhājah bernama Salāmah.⁹ Inilah yang menjadi punca mengapa saudaranya Abū al-'Abbās 'Abd Allāh dilantik sebagai Khalīfah pertama *daulah* 'Abbāsiyyah dan Abū Ja'far al-Manşūr dikemudiankan. Pada hal Abū Ja'far lebih berkelayakan berbanding Abū al-'Abbās samada disegi umur, kebolehan dan pengalamannya. Oleh kerana ibu dan bapa Abū al-'Abbās adalah berketurunan Arab, maka Abū al-'Abbās dipilih sebagai Khalīfah pertama *daulah* 'Abbāsiyyah. Bapa Abū al-'Abbās Berketurunan Arab *Hāsyimī 'Abbāsī*, sementara ibunya berketurunan Arab *Ĥārithiyyah*.¹⁰

Menurut kebiasannya perlantikan Putera Mahkota dan Khalīfah dalam *daulah* 'Abbāsiyyah adalah mengikut prioriti. Keutamaan perlantikan ialah kepada

⁷ Jurjī Zaydān (1958), *Tarīkh al-Tamaddun al-Islāmī*, j. 4, Mesir: Dār al-Hilāl, h. 174.
⁸ Jurjī Zaydān tidak dapat memastikan bangsa asal ibunya.
⁹ Ibn. Ḥazm, Abū Muḥammad 'Alī b. Sa'īd (1948), *Jamharah Ansāb al-'Arab*, Mesir: Dār a-Ma'ārif, h. 18.
¹⁰ Ibid.

mereka yang bapa dan ibunya berketurunan Arab sebelum dilantik mereka yang ibunya bukan berketurunan Arab. Fenomena ini sudah menjadi tradisi turun temurun sejak kerajaan Banī Umayyah lagi. Amalan politik yang diterima pakai ini dibuktikan dengan satu peristiwa dimana penyokong gerakan pembentukan *daulah* ‘Abbāsiyyah yang datang dari kem Abū Salāmah di Hamām A’yun bertanyakan tentang anak lelaki *al-Ḥārithiyyah* (iaitulah Abū al-‘Abbās ‘Abd Allāh) untuk *diḥay’ah* sebagai Khalīfah selepas kematian Ibrāhīm *al-Imām*.¹¹ Mereka bertanyakan anak lelaki *al-Ḥārithiyyah* kerana kedua ibubapanya berketurunan Arab. Sementara Abu Ja’far al-Manṣūr tidak demikian.

Apa yang jelas bahawa perlantikan berasaskan keturunan bangsa yang menjadi ikutan ini adalah satu bentuk fanatik/taksub kepada keturunan atau bangsa. Perlaksanaan sistem ini tidak tepat kerana pegangan kepada bangsa tidak menjamin kejayaan dan kehebatan pemerintahan seseorang. Lihat apa yang berlaku kepada Abū al-‘Abbās yang dilantik sebagai Khalīfah pertama. Beliau lebih banyak bergantung harap kepada saudaranya Abū Ja’far al-Manṣūr yang lebih berpengalaman darinya dalam berbagai aspek. Sewajarnya Khalīfah pertama yang dilantik mengetuai kerajaan yang baru ditubuhkan hendaklah terdiri dari orang lebih berkelayakan tanpa mengira keturunan ibu bapa mereka.

¹¹ Al-Jahsyiyārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. ‘Abdūs (1981), *al-Wuzarā’ wa al-Kuttāb*, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 87 ; Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan, *Tarīkh al-Islām al-Siyāsī wa al-Dīnī wa al-Thaqāfī wa al-Ijtīmā’ī* (1983), j. 2, Mesir : Maktabah al-Sunnah al-Muḥammadiyyah, ‘Ābidīn, h. 22.

1.1.4 Sumbangan Sebelum Kekhalifahan

Abu Ja'far al-Manşūr adalah salah seorang tokoh terpenting dalam pembentukan *daulah* 'Abbāsiyyah. Beliau telah memainkan peranannya dengan baik dan berkesan untuk merealisasikan *daulah* 'Abbāsiyyah samada di peringkat ralisia mahupun secara terbuka. Beliau menyertai kempen penyebaran motto *al-Riḍā min Āli al-Bayt*¹² bersama tokoh-tokoh dalam keluarga 'Abbās yang lain seperti bapanya, bapa saudaranya dan dua saudaranya, Ibrāhīm al-Imām dan Abū al-'Abbās 'Abd Allāh. Beliau terlibat secara langsung dalam usaha menegakkan *daulah* 'Abbāsiyyah, malah juga terlibat secara aktif dalam pengasasan dan pembentukannya.¹³

Tokoh-tokoh gerakan 'Abbāsiyyah ini telah mengorbankan tenaga, masa dan kekayaan mereka semaksima mungkin demi mendapatkan kuasa dan *Khilāfah*. Mereka sanggup berhijrah meninggalkan kampung halaman dan juga keluarga mereka di Hamimah dengan penuh kecekalan, semangat dan tekad untuk

¹² *Al-Riḍā min Āli al-Bayt*: Ungkapan ini adalah sebahagian dari tema/motto (*sy'ār*) gerakan 'Abbāsiyyah di samping *al-Musāwāh* (persamaan hak) dan *Al-Da'wah ilā al-Islāh* (seruan reformasi). *Al-Da'wah al-Imāmah li al-Riḍā min Āli al-Bayt* bermaksud seruan untuk melantik pemimpin yang disetujui dari keluarga Nabi Muḥammad s.'a.w. Motto ini menyeru agar salah seorang dari keluarga Nabi samada dari keturunan 'Abbās ('*Abbāsiyyīn*) atau Ṭālib (*Ṭālibiyyīn*) dilantik sebagai pemimpin bagi menggantikan pemerintahan Banī Umayyah yang dianggap merampas hak keluarga Nabi s.'a.w. walaubagaimanapun persoalan siapakah pemimpin yang dimaksudkan itu hanya diketahui oleh golongan tertentu sahaja. Kebanyakan golongan tidak dimaklumkan tentang tokoh tersebut. Kepimpinan *daulah* setelah tumbanganya kerajaan Banī Umayyah bagaimanapun diterajui oleh Banī 'Abbās ('*Abbāsiyyīn*) setelah golongan *Ṭālibiyyīn*/*Alawīyyīn* diketepikan. Lihat Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan, (1983), op.cit., j. 2, h. 10 ; Ḥasan Aḥmad Maḥmūd et. al., *al-'Alam al-Islāmī fī al-'Aşr al-'Abbāsī* (1973), c. 3, Mesir: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 20-27.

¹³ Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), op. cit., j.2, h. 116.

menegakkan kekuasaan *daulah* 'Abbāsiyyah. Abū Ja'far al-Manṣūr adalah salah seorang dari mereka.

Abū Ja'far al-Manṣūr sendiri bergerak dan bergiat secara lebih intensif ketika teraju pemerintahan dipegang oleh saudaranya, Abū al-'Abbās. Beliau merupakan orang terpenting dalam kerajaan dan bertindak sebagai pembantu kanan kepada Khalīfah Abū al-'Abbās. Abū al-'Abbās meletakkan tanggungjawab melaksanakan perkara-perkara besar dan penting kepada Abū Ja'far al-Manṣūr khususnya dalam hal peperangan, politik dan pentadbiran. Beliau melaksanakannya dengan baik dan penuh rasa tanggungjawab.¹⁴

Jasa-jasa lain beliau ialah membantu al-Ḥasan b. Quḥṭabah, panglima perang gerakan 'Abbāsiyyah, ketika berhadapan dengan Yazīd b. 'Umar b. Hubayrah, panglima perang dan Gabenor Khalīfah Marwān II di 'Irāq.¹⁵

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa perlantikan Abū al-'Abbās sebagai Khalīfah pertama *daulah* 'Abbāsiyyah telah memeranjatkan¹⁶ kesemua lapisan masyarakat, Arab mahupun bukan Arab. Perlantikan ini mengecewakan banyak pihak, khususnya beberapa anggota keluarga Hāshim sendiri samada dari keturunan 'Abbās ('*Abbāsiyyīn*) atau Ṭālib (*Ṭālibiyyīn*) yang tidak melihat rahsia di sebalik kempen "*al-Riḍā min Āli al-Bayt*". Hal ini disebabkan oleh kefahaman umum

¹⁴ Muḥammad Kurdī 'Alī (1934), *al-Idārah al-Islāmiyyah fī 'Izz al-'Arab*, Mesir : Maṭba'ah al-Kutub al-Miṣriyyah, h. 122-123.

¹⁵ Aj-Maqdisi, Mujaḥhar b. Ṭāhir (1899), *al-Bad'u wa al-Tārīkh*, j. 6, Paris, h. 70; Ḥasan Aḥmad Maḥmūd et. al. (1973), op. cit., h. 65-66.

¹⁶ Ibrāhīm 'Alī Sya'wat (1966), *al-Daulah al-'Abbāsiyyah fī Adwārihā al-Mukhtalifah*, Mesir: Dār al-Ṭibā'ah al-Muḥammadiyyah, al-Azhar, h. 17.

terhadap tema gerakan (*al-Riḍā min Āli al-Bayt*) yang seolah-olah membayangkan bahawa Khalīfah akan dilantik dari kalangan *‘Alawiyyīn* (keturunan *‘Alī*). Menyedari akan bahaya dan ancaman yang sedang menunggu dari perlantikan ini, maka Khalīfah Abū al-‘Abbās mengambil tindakan segera dengan melantik saudaranya Abū Ja‘far al-Mansur sebagai orang kepercayaan¹⁷. Abū Ja‘far al-Manṣūr dilihat lebih berkecukupan untuk dilantik sebagai Khalīfah kerana mempunyai pengalaman yang banyak dalam politik, pentadbiran, peperangan dan keperibadian yang menyerlah, di samping lebih dewasa¹⁸ berbanding Abū al-‘Abbās.

Abū Ja‘far al-Manṣūr dilantik oleh Khalīfah sebagai Gabenor di beberapa wilayah yang dikuasai *daulah ‘Abbāsiyyah*. Ini termasuk Jazīrah,¹⁹ Mawṣil,²⁰ al-Thughūr,²¹ Āzerbayjān dan Armīnia. Bermula dari perletakan asas-asas awal

¹⁷ Hasan Khalīfah (1931), *al-Daulah al-‘Abbāsiyyah*, Mesir: al-Maṭba‘ah al-Hadīthah wa Maktabatuhā, h. 34.

¹⁸ Abū al-‘Abbās beberapa tahun lebih muda dari saudaranya. Abū Ja‘far. Walaubagaimanapun beliau dilantik menjadi Khalīfah kerana Ibunya berketurunan Arab berbanding Abū Ja‘far yang beribukan seorang *umm walad* berketurunan Barbar.

¹⁹ *Jazīrah*. Menurut ahli Geografi Arab Jazīrah adalah satu kawasan yang merangkumi beberapa bahagian yang terletak disebelah Utara antara sungai Furāt dan Dajlah. Ia merupakan laluan utama antara ‘Irāq dan Turki yang meliputi perkampungan Bakr, Muḍar dan Rabī‘ah di zaman Jahiliyyah. Sekarang adalah kawasan di Utara Syria. Lihat al-Yasū ‘ī (1988). *al-Munjid fī al-‘Ālam*, c. 30, Beirut: Dār al-Masyriq, h. 201.

²⁰ *Mawṣil*: iaitu beberapa kawasan di bahagian Utara ‘Irāq. Di zaman Khalīfah Marwān II ia adalah ibukota Jazīrah dan menjadi pengkalan tentera Diyār Rabī‘ah di zaman ‘Abbāsiyyah. Mawṣil merupakan kawasan pertanian dan perniagaan terpenting yang terletak di bahagian Barat Sungai Dajlah. Lihat Ibid., h. 511; Al-Fayyūmī, Abū al-‘Abbās Aḥmad b. Muḥammad (1965), *al-Miṣbāḥ al-Munūr*, j. 2, Beirut: Mansyūrāt Dār Maktabah al-Hayāh, h. 145; Al-Azdī, Abū Zakariyyā Yazīd b. Muḥammad, (1967), *Tārīkh Mawṣil*, j. 2, Mesir: Mu‘assasah Dār al-Taḥrīr, h. 123.

²¹ *Al-Thughūr* atau *al-‘Awāsim*: iaitu kawasan sempadan yang sentiasa di cerobohi oleh musuh. Ia meliputi Antākīā, Ṭursus, Adnā, Mar‘ash dan Malatyā yang berada di bahagian Utara Syria, iaitu sempadan negara Islam dengan Rom Byzantine. Lihat Ibn Manẓūr (t.t.) op. cit., j. 1, h. 486 dan al-Yasū‘ī (1988) op. cit., h. 359.

daulah 'Abbāsiyyah hinggalah seterusnya,²² Khalīfah Abū al-'Abbās sentiasa mengambil pandangan dan pendapat Abū Ja'far al-Manṣūr. Kemungkinan itu adalah isyarat awal bahawa beliau akan dilantik menggantikan Khalīfah Abū al-'Abbās selepas kematiannya.

Ketika Khalīfah Abū al-'Abbās merancang pembunuhan Abū Salāmah Ḥafṣ b. Sulaymān al-Khallāl²³, *Wazīr Āli Muḥammad* pada tahun 132H dalam gerakan pembersihan dari musuh-musuh dalaman *daulah* 'Abbāsiyyah, beliau berbincang dengan Abū Ja'far al-Mansur. Abu Salāmah dituduh mirip kepada 'Alawiyyīn dan berusaha mengembalikan *Khilāfah* kepada keturunan 'Alī. Begitu juga ketika merancang pembunuhan Yazīd b. 'Umar b. Hubayrah,²⁴ gabenor terakhir Khalīfah Marwān II di 'Irāq pada tahun 133H. Pembunuhan ini merupakan pengkhianatan pertama yang dilakukan oleh Khalīfah Banī 'Abbās yang mendakwa bahawa kerajaan mereka berdiri atas nama Islam tanpa menghiraukan perjanjian aman yang dimeterai sebelum ini.²⁵

²² Pendapat terbanyak mengatakan bahawa *daulah* 'Abbāsiyyah terbentuk pada hari Jumaat, 12 atau 13 Rabi' al-Awwal tahun 132 H bersamaan 28 November 749 M. Lihat al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muḥammad b. Jarīr, (1939), *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*, j. 6, Mesir: Maṭba'ah al-Istiḳāmah, h. 78.

²³ Abū Salamah al-Khallāl: beliau adalah ketua di Kūfah dan menyandang gelaran sebagai *Wazīr Āli Muḥammad*, iaitu jawatan yang baru diwujudkan. Asal etimologi bagi perkataan *wazīr* tidak menerangkan fungsi jawatan Abū Salamah. Tanggungjawab beliau sama banyaknya dengan tanggungjawab seorang pemimpin negara di peringkat pemberontakan dan kuasa-kuasanya diiktiraf oleh pihak-pihak berkenaan. Beliau akhirnya dibunuh kerana didapati berusaha mengembalikan *al-Imāmah* kepada keluarga Nabi yang terkemuka seperti Abū Ja'far al-Ṣādiq, 'Abd Allāh b. al-Ḥasan dan 'Umar b. 'Alī b. al-Ḥasan. Lihat al-Ya'qūbī (t.t.) op. cit., j. 2, h. 418-419; S.D. Goiteni, *Studies in Islamic History and Institutions*, Leiden, h. 168-196.

²⁴ Al-Mubarrad, Abū al-'Abbās Muḥammad b. Yazīd (1365H.), *al-Kāmil fī al-Lughah wa al-Ādāb*, j. 1, Mesir: Maktabah al-Hijāzī, h. 44, ; Al-Syekh Muḥammad al-Khuḍārī Bik (1970), *Muḥāḍarāt Tārīkh al-Umam al-Islāmiyyah*, j. 3, Mesir: Al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, h. 29; Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), op. cit., j. 2, h. 27.

²⁵ Ibrāhīm 'Alī Sya'waṭ (1958), *Tārīkh al-Duwal*, j. 3, Mesir: Dār al-Ṭibā'ah al-Muḥammadiyyah, al-Azhar, h. 155.

Abū Ja'far al-Manṣūr juga dilantik mengetuai rombongan mengerjakan haji pada bulan Syawwāl atau Dhū al-Qa'dah tahun 136H, iaitu tahun yang sama dimana Khalīfah Abū al-'Abbās meninggal dunia setelah mengisytiharkan al-Manṣūr sebagai penggantinya.²⁶ Perlantikan Abū Ja'far al-Manṣūr bagi menerajui tugas-tugas yang besar dan penting ini melambangkan kepercayaan dan pengiktirafan Khalīfah Abū al-'Abbās 'Abd Allāh terhadap kebolehan saudaranya itu. Period pemerintahan Abū al-'Abbās selama lima tahun bolehlah dianggap sebagai period latihan/amali bagi Abū Ja'far al-Manṣūr. Ketika inilah ciri-ciri kepemimpinannya yang memang sedia terserlah dimantapkan semaksimanya sebelum beliau mengambil alih teraju negara.

1.1.5 Perlantikan Sebagai Khalīfah

Sewaktu Khalīfah Abu al-'Abbās 'Abd Allāh sedang sakit tenat di Anbār,²⁷ beliau memerintahkan orang ramai supaya memberi *bay'ah* kepada saudaranya, Abū Ja'far al-Manṣūr sebagai Khalīfah jika beliau meninggal dunia dengan sakitnya itu. Sewaktu pelantikan itu berlaku Abū Ja'far al-Manṣūr sedang mengetuai rombongan mengerjakan haji ke Makkah al-Mukarramah pada tahun 136H./754M.

²⁶ Al-Khudārī (1970), op. cit., J. 3, h. 53.

²⁷ *Anbār*: Nama sebuah kawasan yang juga sebahagian kesan peninggalan kuno, terletak di Barat Sungai Furāt di 'Iraq. Jarak antaranya dengan Baghdād sekitar empat puluh lapan kilometer. Khalīfah Abū al-'Abbās membangunkan semula kawasan ini dan di sini beliau mendirikan istananya dan menjadikannya sebagai pusat pemerintahan *daulah* 'Abbāsiyyah sehingga diasaskan Baghdād. Pada zaman Abū Ja'far, beliau mendirikan istananya berhampiran kawasan itu dan dinamakannya Bandar *Hāsyimiyyah*, nisbah kepada nenek keluarga Abbās iaitu Hāsyim. Lihat Ibn. Manẓūr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 4324 ; Al-Yasū'ī (1988), op. cit., h. 54 ; Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), op. cit., j. 2, h. 23.

Abū Ja'far al-Manṣūr juga dilantik mengetuai rombongan mengerjakan haji pada bulan Syawwāl atau Dhū al-Qa'dah tahun 136H, iaitu tahun yang sama dimana Khalīfah Abū al-'Abbās meninggal dunia setelah mengisytiharkan al-Manṣūr sebagai penggantinya.²⁶ Perlantikan Abū Ja'far al-Manṣūr bagi menerajui tugas-tugas yang besar dan penting ini melambangkan kepercayaan dan pengiktirafan Khalīfah Abū al-'Abbās 'Abd Allāh terhadap kebolehan saudaranya itu. Period pemerintahan Abū al-'Abbās selama lima tahun bolehlah dianggap sebagai period latihan/amali bagi Abū Ja'far al-Manṣūr. Ketika inilah ciri-ciri kepemimpinannya yang memang sedia terserlah dimantapkan semaksimanya sebelum beliau mengambil alih teraju negara.

1.1.5 Perlantikan Sebagai Khalīfah

Sewaktu Khalīfah Abu al-'Abbās 'Abd Allāh sedang sakit tenat di Anbār,²⁷ beliau memerintahkan orang ramai supaya memberi *bay'ah* kepada saudaranya, Abū Ja'far al-Manṣūr sebagai Khalīfah jika beliau meninggal dunia dengan sakitnya itu. Sewaktu pelantikan itu berlaku Abū Ja'far al-Manṣūr sedang mengetuai rombongan mengerjakan haji ke Makkah al-Mukarramah pada tahun 136H./754M.

²⁶ Al-Khudārī (1970), op. cit., J. 3, h. 53.

²⁷ *Anbār*: Nama sebuah kawasan yang juga sebahagian kesan peninggalan kuno, terletak di Barat Sungai Furāt di 'Iraq. Jarak antaranya dengan Baghdād sekitar empat puluh lapan kilometer. Khalīfah Abū al-'Abbās membangunkan semula kawasan ini dan di sini beliau mendirikan istananya dan menjadikannya sebagai pusat pemerintahan *daulah* 'Abbāsiyyah sehingga diasaskan Baghdād. Pada zaman Abū Ja'far, beliau mendirikan istananya berhampiran kawasan itu dan dinamakannya Bandar *Hāsyimiyah*, nisbah kepada nenek keluarga Abbās iaitu Hāsyim. Lihat Ibn. Manẓūr (t.t.), op. cit., j. 5, h. 4324; Al-Yasū'ī (1988), op. cit., h. 54; Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), op. cit., j. 2, h. 23.

Setelah Khalifah Abū al-‘Abbās ‘Abd Allāh wafat pada hari Ahad, ²⁸12 Dhū al-Ḥijjah tahun 136H/ 8 Jun 754M, ‘Isā b. Mūsā yang dilantik sebagai Putera Mahkota terus mengendalikan urusan mendapatkan *bay’ah* orang ramai kepada Abū Ja‘far al-Manṣūr.²⁹

Lima belas hari setelah ‘Isā b. Mūsā dipertanggungjawabkan mengambil *bay’ah* dari rakyat kepada Khalifah Abū Ja‘far al-Manṣūr, barulah beliau mengutuskan Muḥammad b. al-Ḥasin al-‘Abdī untuk bertemu al-Manṣūr dan menceritakan perkara yang berlaku.³⁰ Menurut satu riwayat Muḥammad al-Ḥasin bertemu al-Manṣūr di satu tempat bernama Zakiyyah³¹ di kawasan Dhātu ‘Irq³² ketika beliau dalam perjalanan pulang dari mengerjakan haji.³³ Abu Ja‘far al-Mansur merasa ada petanda baik dari berita yang dibawa. Sanībī menyebut “*amrun yuzakkī lanā Insyā Allāh*”,³⁴ beliau memerintahkan orang ramai supaya membay’ahnya sebagai Khalifah.³⁵

²⁸ Ibn Kathīr. Abū al-Fidā’ al-Hāfiẓ (1987). *al-Bidāyah wā al-Nihāyah*. j. 10, Beirut: Dār al-Kutub al-‘ilmiyyah. h. 60.

²⁹ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 9, h. 147.

³⁰ Al-Ya‘qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 364; Al-Khuḍarī (1970), op. cit., j. 3, h. 53.

³¹ Dalam riwayat yang lain al-Ṭabarī menyebut bahawa utusan ‘Isā b. Mūsā bertemu dengan Abū Ja‘far di satu tempat bernama Ṣofiyyah (kejernihan/kesucian). Maka itu al-Manṣūr terus bertafa‘ul (rasa ada petanda baik) dengan katanya, “*saḥat lanā Insyā Allāh*”. Lihat al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 121.

³² Dhāt ‘Irq *Afiqāt Makānī* bagi mereka yang datang dari arah ‘Iraq. Ia terletak lebih kurang dua *marḥalah* dari Makkah. Lihat Al-Fayyūmī (1965), op. cit., j. 2, h. 25.

³³ Menurut riwayat al-Maqdisī pertemuan di antara utusan ‘Isā b. Mūsā dengan Abū Ja‘far berlaku ketika beliau dalam perjalanan menuju ke Makkah, bukannya ketika pulang. Kata al-Maqdisī, “beliau (Abū Ja‘far) meneruskan perjalanannya ke Makkah dan setelah selesai mengerjakan haji, barulah beliau bergegas pulang ke Ḥirah....”. Lihat al-Maqdisī (1899), op. cit., j. 6, h. 76.

³⁴ Kata-kata beliau “*amrun yuzakkī lanā Insyā Allāh*” Merupakan *tafa‘ul* (merasa ada petanda baik) dimana beliau mengaitkan berita bay’ah untuknya dengan tempat beliau menerima berita itu iaitu *Zakiyyah* (bererti kebaikan, kebersihan). Lihat al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 121; Ibn al-Athīr (1967), op. cit., j. 5, h. 186; Al-Ya‘qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 364; Ibn Kathīr (1987) op. cit., j. 10, h. 61.

³⁵ Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), op. cit., j. 2, h. 29.

Adalah jelas dari peristiwa perlantikan Abū Ja'far al-Manṣūr bahawa 'Īsā b. Mūsā adalah salah seorang saksi yang hadir dalam majlis itu. Sementara al-Manṣūr tidak ada di Majlis itu kerana mengetuai rombongan haji ke Makkah al-Mukarramah. Begitu juga dengan 'Abd Allāh b. 'Alī yang memberontak menuntut takhta selepas itu, juga tiada ketika perlantikan itu berlaku kerana beliau dalam perjalanan mengetuai tentera *al-Ṣā'ifah*³⁶ ke negara Rom Byzantine.³⁷

Perlantikan dua Putera Mahkota sekaligus iaitu al-Mansur dan 'Īsā b. Mūsā memperlihatkan bahawa Khalīfah Abū al-'Abbās mirip kepada amalan beberapa orang Khalīfah Banī Umayyah di Timur. Tindakan ini merupakan satu manifestasi dari sifat ketamakan kuasa dan kebangkrapan politik yang membawa kepada keruntuhan kerajaan Banī Umayyah sebelum ini.

Sebaik sahaja Abū Ja'far al-Manṣūr menerima berita kematian Khalīfah Abū al-'Abbās dan perlantikannya sebagai Khalīfah, beliau terus bergegas pulang ke Anbār. Di sana beliau terus *dibay'ah* sebagai *Khalīfah al-Muslimīn* oleh penduduk-penduduk di 'Irāq,³⁸ Khurāsān³⁹ dan seluruh rakyat dalam jajahan takluknya kecuali penduduk Syām. *Bay'ah* dari penduduk Syām terlewat beberapa bulan selepas dari perlantikannya kerana mereka telah memberi *bay'ah* kepada bapa

³⁶ *Al-Ṣā'ifah* iaitu peperangan di musim panas. Lihat Ibn. Manẓūr (t.t.) op. cit., j. 4, h. 2538.

³⁷ Ibrāhīm 'Alī Sya'waṭ (1966), op. cit., h. 20.

³⁸ *'Irāq*: Kawasan terkenal yang memanjang dari Mawṣil ke 'Abbādān dan lebarnya pula dari al-Qadisiyyah ke Hulwān. Sekarang adalah sebuah Republik Arab di Asia Barat, ibukotanya adalah Baghdād. Lihat al-Yasū'ī (1988), op. cit., h. 342.

³⁹ *Khurāsān*: Sebuah negara lama di Asia. Disitulah Abu Muslim al-Khurāsānī dan tokoh-tokoh gerakan Banī al-'Abbās mengumpul bala tentera mereka pada tahun 131H/748M. untuk meruntuhkan kerajaan Banī Umayyah di Timur. Sekarang kawasan ini dikongsi beberapa negara iaitu Irān (Nīsābūr), Afghanistan (Herāt dan Balakh) dan beberapa bahagian Turkmenistan (Merv). Lihat Ibid., h. 203.

saudara al-Mansur iaitu 'Abd Allāh b. 'Alī, Gabenor Syām⁴⁰ dan Pemerintah Tertinggi tentera-tentera 'Abbāsiyyah di Syām, Jazīrah, Mawṣil dan Khurāsān.

Khalīfah al-Manṣūr sedar akan bahaya yang menggugat kestabilan dan kekuasaannya lantaran keengganan bapa saudaranya memberi *bay'ah* kepadanya. Kebimbangan itu disuarakannya kepada Abū Muslim sebaik sahaja mendapat berita kematian Khalīfah dan perlantikannya sebagai pengganti. Keengganan 'Abd Allāh b. 'Alī memberi *bay'ah* kepada Abū Ja'far al-Manṣūr memperlihatkan keretakan dalam keluarga 'Abbās yang sebelum ini sama-sama bergerak untuk menegakkan kekuasaan mereka. Di sini bermulalah episod baru pemerintahan al-Manṣūr dalam menghadapi ancaman dalaman yang menggugat kestabilan *daulah* yang baru berusia lima tahun.

1.1.6 Al-Manṣūr Sebagai Pengasas Daulah 'Abbāsiyyah

Perlantikan Abū Ja'far al-Manṣūr sebagai Khalīfah selepas Abū al-'Abbās membuka lembaran baru dalam sejarah *daulah* 'Abbāsiyyah. Sesetengah penulis menganggap al-Manṣūr sebagai Khalīfah pertama *daulah* Banī 'Abbās. Ini kerana zaman pemerintahan Abū al-'Abbās hanyalah dianggap sebagai zaman pra pembentukan *daulah* 'Abbāsiyyah. Khalīfah Abū al-'Abbās dilihat banyak bergantung harap kepada tokoh-tokoh lain khususnya dari keluarga al-'Abbās

⁴⁰ *Syām*: Sebuah negara yang luas, panjangnya merangkumi dari Sungai Furāt ke 'Arīsh dan lebarnya pula memanjang dari Jabal Tay ke *al-Bahr al-Mutawassīṭ*. Kedudukan negara Syām sekarang berselerak dalam beberapa buah negara yang terdiri dari Syria, Lubnān, Jordan, Palestin dan Israel. Lihat al-Qarmānī, Abū al-'Abbās Aḥmad b. Yūsuf al-Dimasyqī, *Akhbār al-Duwal wa Aṭhār al-Uwal*, j. 5, h. 213, Mesir: al-Hay'ah al-'Āmmah li al-Kitāb, Kaherah, 1968 ; Al-Yasū'ī (1988), op. cit., b. 22, 227, 396 dan 454.

termasuk kepada saudaranya Abū Ja'far al-Manṣūr.⁴¹ Ini mungkin disebabkan pengalamannya yang kurang dalam selok belok politik, pentadbiran, peperangan dan sebagainya. Mungkin juga kerana beliau memahami bahawa zamannya adalah zaman pra pembentukan sebuah *daulah* yang memerlukan penggembelangan dan sokongan dari semua tokoh 'Abbāsiyyīn. Isunya adalah isu hidup mati gerakan 'Abbāsiyyah yang telah bermula sejak sekian lama.⁴²

Biar apapun sebab kebergantungan beliau kepada tokoh-tokoh lain, namun apa yang pasti ialah ketokohan Abū Ja'far al-Manṣūr dalam berbagai bidang adalah lebih menonjol dari Abū al-'Abbās. Lebih-lebih lagi dalam usia semuda dua puluhan tahun ketika menjawat jawatan Khalīfah, apalah sangat pengalaman yang dimiliki oleh Abū al-'Abbās.

Sewaktu Abū Ja'far al-Manṣūr *dibay'ah* sebagai Khalīfah, asas-asas pembentukan *daulah* 'Abbāsiyyah masih belum lagi kukuh dan teguh secara yang sewajarnya. Justeru itu al-Manṣūrlah yang bertanggungjawab mengukuhkan asas-asas pembentukan *daulah* di zamannya. Beliaulah yang berusaha keras merealisasikan makna Khalīfah dalam erti kata yang sebenarnya. Atas asas inilah beliau dianggap sebagai pengasas sebenar (*al-Mu'assis al-Haqīqī*)⁴³ bagi *daulah* 'Abbāsiyyah atau Khalīfah Perintis (*al-Khalīfah al-Fātihah*).⁴⁴

⁴¹ Hasan Ahmad Mahmūd et. al. (1973), op. cit., h. 116.

⁴² Ibid.

⁴³ Ibid.

⁴⁴ Al-Suyūfī. (t.t.) op. cit., h. 22.

Pada zaman beliaulah beberapa pemberontakan dan ancaman yang cuba menggugat kestabilan dan penerusan *daulah* 'Abbāsiyyah berjaya dikekang dan dipatahkan. Setelah anasir-anasir pengancam ini berjaya dilumpuhkan barulah asas-asas pembentukan sebenar sesebuah *daulah* dapat ditegakkan. Sanjungan serta pengiktirafan oleh beberapa Khalīfah seperti al-Mahdī, al-Hādī dan Hārūn al-Rasyīd terhadap keagungan pemerintahan al-Manṣūr dan ketokohan beliau jelas membenarkan statusnya sebagai pengasas sebenar *daulah* 'Abbāsiyyah.⁴⁵

Abū Ja'far al-Manṣūr berjaya menyekat keretakan yang belaku dalam keluarga al-'Abbās ekoran keengganan bapa saudaranya, 'Abd Allāh b. 'Alī menerima beliau sebagai pengganti Khalīfah Abū al-'Abbās. Gerakan pemberontakan oleh beberapa tokoh berpengaruh dari kalangan 'Alawīyyīn seperti Muḥammad *al-Nafs al-Zakiyyah* dan saudaranya, Ibrāhīm, di Hijāz dan Kūfah berjaya dilumpuhkan.⁴⁶ Begitu juga dengan pemberontakan pengikut-pengikut Abū Muslim di Khurāsān yang menuntut bela atas darah pemimpin mereka. Semua pemberontakan ini berjaya dipatahkan. Kejayaan demi kejayaan yang telah dicipta oleh al-Manṣūr semasa pemerintahannya menjustifikasikan penabalan beliau sebagai pengasas sebenar *daulah* 'Abbāsiyyah.

⁴⁵ Hasan Ahmad Mahmūd et. al. (1973), *op. cit.*, h. 118-119.

⁴⁶ Al-Ṭabarī (1939) *op. cit.*, j. 9, h. 181-187.

Al-Suyūfī menyifatkan Abū Ja'far sebagai Khalīfah Pembuka/Perintis (*Fātiḥah*), sementara al-Ma'mūn sebagai Khalīfah peringkat pertengahan (*Wāsiṭah*) dan al-Mu'taḍid sebagai Khalīfah Penamat (*Khātimah*)⁴⁷

1.1.7 Pembaharuan Dalam Pemerintahan Al-Manṣūr

Abū Ja'far al-Manṣūr meninggalkan jasa yang banyak kepada *daulah* 'Abbāsiyyah bermula dari penglibatannya secara aktif dan efektif di era gerakan 'Abbāsiyyah sehinggalah beliau dilantik sebagai Khalīfah. Disamping kejayaan-kejayaan yang disebutkan tadi, terdapat banyak lagi contoh sumbangan beliau terhadap *daulah* secara umumnya.

Dalam sistem pertahanan negara, beliau telah membina kubu di sepanjang sempadan dengan negara Rom. Beliau menyedari bahaya ini bilamana Maharaja Kostantinopal V berjaya memecahkan kubu pertahanan kaum muslimin di *Furāt* yang memanjang ke kawasan laut dan seterusnya menguasai Malatya. Bagi menjamin keselamatan kawasan-kawasan tersebut al-Manṣūr memerintahkan Ṣāliḥ b. 'Alī membina semula kubu tersebut secara yang lebih kukuh.⁴⁸ Al-Balādhurī menyebut bahawa al-Manṣūrlah yang meletakkan asas kepada sistem pertahanan berkubu yang seterusnya menjadi sempurna di zaman al-Mu'taṣim.⁴⁹

⁴⁷ Al-Suyūfī (t.t.), op. cit., h. 22.

⁴⁸ Al-Ya'qūbī (t.t.), op. cit., j. 3, h. 99.

⁴⁹ Al-Balādhurī, Aḥmad b. Yaḥyā b. Jābir (1959), *Futūḥ al-Buldān*, Mesir: Maṭba'ah Ṣubaiḥ, Kaḥerah, h. 190.

Al-Manṣūr juga telah melakukan pembaharuan dalam taktik dan teknik peperangan dengan menyusun atur semula pasukan tentera *Ṣawā'if* dan *Syawātī* yang kemudiannya dituruti oleh Khalīfah-khalīfah selepasnya.⁵⁰ Beliau menetapkan waktu-waktu tertentu untuk melancarkan serangan dari kubu-kubu pertahanan. Serangan pada musim bunga (*rabī'*) dan musim panas (*ṣayf*) dikenali sebagai *Ṣawā'if*, sementara pada musim sejuk dipanggil *Syawātī*. Menurut Ibn Qudāmah, pada musim bunga serangan mula dilancarkan pada pertengahan bulan Mei dan berakhir tiga puluh hari kemudian. Di bulan Julai, tentera berehat secukupnya. Bila tiba musim panas, mereka memulakan semula peperangan yang mengambil masa selama dua bulan. Peperangan *Syawātī* (musim sejuk) pula bermula pada awal Februari dan berakhir pada pertengahan bulan berikutnya.⁵¹

Di bidang ekonomi, Abū Ja'far al-Manṣūr telah berjaya melakukan beberapa pembaharuan, khususnya berkaitan dengan sistem percukaian negara. Surat dari Ibn. al-Muqaffā' kepada al-Manṣūr membayangkan krisis ekonomi yang berlaku di zamannya. Ibn. al-Muqaffā' menyentuh beberapa aspek tentang keburukan sistem percukaian semasa dan kesan ketidaktentuan keadaan politik dan ekonomi keatas kenaikan melampau harga barang-barang semenjak runtuhnya *daulah* Banī Umayyah.⁵²

⁵⁰ Ibid., h. 191-192.

⁵¹ Ibn Qudāmah, Ja'far (1960), *al-Kharāj*, Leiden, h. 259.

⁵² Aḥmad Zakī Ṣafwat, (1937), *Jamharah Rasā'il al-'Arab*, j. 3, Mesir: Kaherah, h. 35.

Justeru itu, al-Manşūr mengambil tindakan susulan dengan mengemaskinikan operasi *dīwān al-Kharāj* dengan lebih mantap dan cekap.⁵³ Kaedah pengutipan cukai dikemaskinikan. Kerja-kerja pemungutan cukai diawasi. Jika Khalifah mendapati terdapat penyelewengan dalam pungutan cukai, maka individu terbabit akan dipecat. Umpamanya ‘Abd al-Wahhāb b. Ibrāhīm, Gabenor Palestin pernah dipecat dari jawatannya kerana bertindak zalim dalam pemungutan cukai.⁵⁴

Khalifah al-Manşūr juga meletakkan beberapa syarat perlantikan sebagai pegawai di *dīwān al-Kharāj* seperti merdeka, amanah, mempunyai kelayakan, memahami perundangan Islam, berpengetahuan mendalam tentang hal percukaian dan bersih tangan (tidak pernah mencuri atau menyelewengkan harta awam).⁵⁵ Kesungguhan al-Manşūr memperbaiki operasi *dīwān al-kharāj* jelas kelihatan apabila beliau memb.a satu pejabat yang khusus untuknya di Baghdād bagi memantau secara langsung perjalanan *dīwān* ini. Bagi memudahkan urusan membuat rujukan kadar cukai yang dikenakan, satu sistem rekod yang sistematik diwujudkan.⁵⁶

⁵³ *Dīwān al-Kharāj* : ia dikenali sebagai Jabatan/Biro Percukaian atau Kementerian Kewangan. Ia merupakan kementerian terpenting sekali dalam sesebuah negara. *Diwan al-Kharaj* telah bermula sejak zaman Khulafā’ Rāsyidīn dan dilanjutkan oleh Khalifah Banī Umayyah dan ‘Abbasiyyah. Lihat keterangan lanjut dalam Ibn. Khaldūn (t.t.), *al-Muqaddimah*, Mesir: Maṭba‘ah al-Bahīyyah al-Miṣriyyah, h. 212; S.B. Samadi, “Some Aspects”, *Islamic Culture*, j. 29, h. 132; S.A.Q. Husayni (1970), *Arab Administration*, c. 6, Sh. Muḥammad Asyraf Kashmīrī, Bazar, h. 186.

⁵⁴ Al-Jahsiyārī (1981), op. cit., h. 173.

⁵⁵ Al-Balādhurī (1968), op. cit., h. 469; al-Rays, Muḥammad Diyā’ al-Dīn (1969), *al-Kharāj wa al-Nuṣūṣ al-Mālīyyah li al-Daulah al-Islāmiyyah*, c. 3, Mesir: Dār a-Ma‘ārif, Kaḥerah, h. 142-143.

⁵⁶ Ibid.

Beliau juga berjaya mengatasi masalah kenaikan harga barang-barang di beberapa jajahan takluknya seperti Khurāsān dan ‘Irāq. Al-Ṭabarī menyebut masalah kenaikan harga barang dalam peristiwa-peristiwa yang berlaku pada tahun 141H.⁵⁷ Krisis ekonomi adalah antara beberapa krisis besar yang berlaku semasa pemerintahan al-Manṣūr. Beliau menghadapinya dengan bijaksana serta bertanggungjawab kerana kejayaannya menyelesaikan krisis ini akan meyakinkan rakyat terhadap kemampuannya memberikan kesejahteraan kepada mereka.

Di samping berusaha mengatasi masalah ekonomi, beliau juga mencari jalan untuk menambah pendapatan negara bagi menampung peningkatan kos khususnya perbelanjaan pengurusan dan pertahanan. Jelas bahawa al-Manṣūr cuba melakukan reformasi ekonomi ke akar umbinya bagi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin dan negara mempunyai pendapatan yang tetap serta mencukupi. Namun kematian terlebih dahulu menjemputnya. Kenyataan al-Māwardī bahawa sistem *al-Muqāsamah* adalah hasil cetusan idea Khalīfah Abū Ja‘far al-Mansur menjadi bukti kesungguhan beliau melakukan reformasi ekonomi di zamannya.⁵⁸ Sistem ini bagaimanapun hanya terlaksana di zaman Khalīfah al-Mahdī.⁵⁹

Apa yang pasti bahawa Khalīfah Abū Ja‘far al-Manṣūr telah meletakkan asas yang kukuh dalam sistem ekonomi negara ketika itu yang kemudiannya menjadi panduan dan amalan Khalīfah-khalīfah seterusnya.

⁵⁷ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 9, h. 176.

⁵⁸ Al-Māwardī, Abu al-Ḥasan (1960), *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, Mesir, Kaherah h. 168.

⁵⁹ Hasan Ahmad Maḥmūd et.al. (1973) op. cit., h. 191.

Al-Manṣūr juga telah mengasaskan kota Baghdād pada tahun 145H.⁶⁰ Baghdād menjadi ibukota pemerintahan *daulah* ‘Abbāsiyyah hingga ke zaman Khalīfah al-Mu’taṣim yang membina kota pemerintahannya yang baru, Sāmarrā’ pada tahun 221H. Pusat pemerintahan *daulah* ‘Abbāsiyyah kemudiannya berpindah semula ke Baghdād pada tahun 276H.⁶¹

1.1.8 Perwatakan

Ditinjau dari segi perwatakannya dan sifatnya, sejarawan menyebut bahawa al-Manṣūr mempunyai beberapa watak dan sifat yang istimewa. Beliau seorang Khalīfah yang paling tegas, cekap, mempunyai keazaman yang tinggi, memelihara kepentingan rakyat, komited terhadap tugasnya dan tidak gemar kepada hal-hal yang melalaikan. Ketegasan beliau dalam menghadapi ancaman musuh politiknya dan musuh kerajaan termasuk ancaman Khawārij disamakan dengan ketegasan ‘Abd al-Mālik b. Marwān,⁶² Khalīfah Banī Umayyah.

Beliau bersikap tenang serta tidak mudah cemas ketika menghadapi ancaman musuh.⁶³ Sifat ini paling menonjol dalam dirinya khususnya dalam menghadapi pemberontakan politik yang tidak kunjung padam di zamannya. Beliau dengan tenang menghadapi ancaman bapa saudaranya ‘Abd Allāh b. ‘Alī di Syām,

⁶⁰ Al-Suyūṭī (t.t.), op. cit., h. 262.

⁶¹ Shawqī Dayf (1966), *Tārīkh al-Ādāb fī al-‘Aṣr al-‘Abbāsī al-Awwal*, j. 3, c. 3, Mesir: Dār al-Ma’ārif, Kaherah, h. 18.

⁶² Ibn. Qutaybah al-Dinawarī, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh b. Muslim (1907), *al-Imārah wa al-Siyasah*, j. 2, c. 2, Mesir: al-Hay’ah al-Miṣriyyah, Kaherah, h. 167; Al-Suyūṭī (t.t.), op. cit., h. 267; Hasan Ibrāhīm Hasan (1983), op. cit., j. 2, h. 31.

⁶³ Hasan Ibrāhīm Hasan, Ibid., j. 2, h. 33.

Muhammad *al-Nafs al-Zakiyyah* di Hijāz, dan saudaranya Ibrāhīm di Baṣrah dan ancaman-ancaman yang ditimbulkan oleh golongan Khawārij, al-Rawāndiyyah dan sebagainya.

Muḥammad Kurd Alī menjelaskan bahawa Abū Ja'far al-Manṣūr adalah seorang Khalīfah yang bijaksana, pengasas *daulah* 'Abbāsiyyah, penggubal undang-undang negara, bijak dalam memahami sepak terajang politik, pandai mencipta helah. Beliau seperti Mu'āwiyah yang mengasaskan *daulah* Banī Umayyah tetapi pada masa yang berlainan. Rahsia kejayaan mereka berdua adalah kerana mereka terlatih tentang selok belok pemerintahan dan politik sebelum menerajui negara.⁶⁴

Antara lain sifatnya ialah tidak suka kepada pembunuhan tanpa *ḥaq*. Beliau pernah berhasrat membunuh 'Isā b. Mūsā kerana membunuh anak bekas Gabenor Khalīfah Marwān II di Kūfah. Tetapi, menukar fikirannya kepada menasihatinya agar tidak mengambil tindakan berdasarkan prasangka dan tuduhan semata-mata sehinggalah terbukti kebenaran tuduhan itu.⁶⁵

Beliau terkenal sebagai seorang yang kuat disiplinnya khususnya dalam urusan pentadbiran dan pemerintahan. Pada waktu siang beliau memberi sepenuh perhatian kepada urusan negara dan kebajikan rakyat. Selepas asar beliau berehat bersama keluarganya. Di sebelah malam selepas solat 'Isyā', Abū Ja'far al-Manṣūr

⁶⁴ Muḥammad Kurd 'Alī (1934), op. cit., h. 123-124 ; Aḥmad Farīd Rifā'i (1928), *'Aṣr al-Ma'mūn*, j. 1, Mesir: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, Kaḥerah., h. 94.

⁶⁵ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 9, h. 294.

menceliti surat-surat yang dihantar oleh wakilnya di *Thugūr* (kubu pertahanan di sempadan) dan seluruh jajahan takluknya sambil mengambil pendapat para menteri dan tokoh bual malamnya (*al-summār*).⁶⁶ Beliau hanya tidur setelah berlalu sepertiga malam dan bangun sebelum terbit fajar. Setelah bangun, beliau mengambil wuduk dan duduk di tikar sembahyangnya sehingga terbit fajar. Kemudiannya beliau bersembahyang bersama orang ramai.⁶⁷ Begitulah kebiasaan beliau sejak hari pertama lagi beliau memegang tampok pemerintahan.⁶⁸

Kebijaksanaan beliau dalam pertadbiran dikukuhkan lagi dengan kepetahan pertuturannya.⁶⁹ Dari segi fizikal beliau berkulit sawa matang, tinggi lampai, kurus serta mempunyai sedikit jambang.⁷⁰ Perwatakan yang menonjol, pengalaman yang banyak, pemahaman yang mendalam dalam ilmu *Fiqh*, *Hadīth*, *Ansāb* dan sebagainya⁷¹ melayakkan beliau ditabalkan sebagai tokoh kebanggaan Banī ‘Abbās.

Namun di sebalik perwatakan dan ketokohnya yang menonjol, tersirat beberapa tindakan beliau yang jelas memburukkan reputasinya di persada sejarah. Al-Manṣūr dilihat cenderung untuk mengkhianati perjanjian damai yang membawa kepada pembunuhan musuh-musuh politiknya seperti ‘Abd Allāh b. ‘Alī, Ibn.

⁶⁶ Jamīl Nakhlah al-Mudawwar (1905), *Haḍārah al-Islām fi Dār al-Salām*, c. 2, Mesir: Maṭba‘ah al-Mu‘ayyad, Kaherah, h. 61.

⁶⁷ Ibn Kathīr (1987), op. cit., j. 9, h. 299.

⁶⁸ Jamīl Nakhlah al-Mudawwar (1905), op. cit., h. 62.

⁶⁹ Ibn Kathīr (1987), op. cit., j. 9, h. 310-311 ; al-Mas‘ūdī, Abū al-Ḥasan ‘Alī b. al-Ḥusayn (1346H.), *Murāj al-Dhakhkh wa M‘ādin al-Jawhar*, j. 2, Mesir: Maṭba‘ah al-Bahiyah, h. 236.

⁷⁰ Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 9, h. 299.

⁷¹ Al-Dhahabī, Syams al-Dīn Abū ‘Abd Allāh (1974), *Duwal al-Islām*, j. 1, Mesir: al-Hay‘ah al-Miṣriyyah, h. 93 ; Al-Suyūfī (t.t.), op. cit., h. 259, 270.

Hubayrah, Abū Muslim al-Khurāsānī dan beberapa tokoh *'Alawiyyīn* tanpa menghiraukan sumbangan besar mereka dalam membangunkan *daulah 'Abbāsiyyah*. Pemecatan 'Īsā b. Mūsā dari jawatan Putera Mahkota adalah manifestasi dari ketamakan beliau untuk memastikan keluarganya terus berkuasa selepas kematiannya.

1.1.9 Kewafatan

Abū Ja'far al-Manṣūr meninggal dunia di waktu Subuh atau sebelum Subuh pada malam Sabtu⁷², enam atau tujuh Dhū al-Hijjah tahun 158H⁷³ setelah memerintah selama lebih kurang 23 tahun.⁷⁴ Usianya ketika meninggal ialah 63 tahun.⁷⁵ Jenazah beliau dimakamkan di perkuburan *al-Mu'ā'ā*.⁷⁶ Abu Ja'far mempunyai enam orang isteri⁷⁷ dan memperolehi sembilan orang anak hasil perkahwinannya itu.⁷⁸

Al-Ṭabarī menyebut bahawa sebab yang membawa kematian al-Manṣūr ialah kecederaan serius yang dialami oleh beliau sewaktu mengiringi pemergian

⁷² Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 9, h. 292-293.

⁷³ Ibn al-Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 131-132.

⁷⁴ Ibid.

⁷⁵ Terdapat perbezaan pendapat tentang umurnya ketika wafat antara 63 tahun atau 64 tahun dan kata sebahagian menjangkaui 68 tahun. Lihat al-Ṭabarī (1939), loc. cit.

⁷⁶ Ibn al-Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 132.

⁷⁷ Isteri-isteri beliau ialah Arwā binti Manṣūr, Fāṭimah binti Muḥammad, seorang wanita dari keturunan Bani Umayyah dan dua orang hamba, seorang berbangsa Kurdish dan seorang lagi dari Rom. Lihat Ibid, h. 131-132.

⁷⁸ Anak-anak beliau ialah Muḥammad al-Mahdī, Ja'far al-Akbar, 'Isa, Ya'qūb, Sulaymān, Ja'far al-Aṣghar, Ṣāliḥ al-Miskīn, al-Qāsim dan al-'Āliyah. Lihat Ibid.

anaknya, al-Mahdī yang diutus ke al-Raqqah.⁷⁹ Dari saat itu beliau terus sakit tenat. Selain itu al-Manşūr juga menghadapi masalah ketidakhadaman makanan. Tanpa menghiraukan nasihat dokternya beliau mengambil sejenis ubat. Menurut pendapat dokternya, ubat itu mempunyai kesan sampingan kepada masalah penghadaman yang dihadapinya. Kesakitan al-Manşūr bertambah teruk selepas itu dan akhirnya beliau menemui ajalnya.⁸⁰

Ibn Kathīr meriwayatkan bahawa Abū Ja‘far al-Manşūr menemui ajalnya ketika dalam perjalanan menuju ke Makkah untuk mengerjakan ibadat haji. Walaubagaimanapun beliau sempat meninggalkan beberapa pesanan penting kepada Putera Mahkotanya, al-Mahdī khususnya berkaitan pemerintahan selepasnya.⁸¹

Al-Manşūr menghembuskan nafasnya yang terakhir di sisi seorang pembantunya yang bernama al-Rabī‘ b. Yūnus.⁸² Al-Rabī‘ menyembunyikan berita kematian al-Mansur serta melarang wanita-wanita dari menangisinya. Keesokan harinya berita kematian Khalīfah tersebar luas dan orang ramai berpusu-pusu menziarahi jenazahnya termasuk beberapa pengikut ‘Alawiyyīn.⁸³

⁷⁹ *Al-Raqqah*: Satu Bandar di Utara Syria. Hārūn al-Rasyīd menjadikannya sebagai pusat pentadbiran di musim panas dan di situ beliau membina istana *Dār al-Salām*. Lihat al-Yasū‘ī (1988), op.cit., h. 265.

⁸⁰ Al-Ṭabarī (1939), op.cit., j. 9, h. 290-292.

⁸¹ Antara wasiatnya kepada al-Mahdī ialah hendaklah berbuat baik kepada kaum keluarga dan seluruh kaum muslimin, membayar hutangnya sebanyak tiga ratus ribu Dīnār, tidak membuka gedung perbendaharaan sehinggalah beliau wafat. Lihat Ibn Kathīr (1987), op.cit., j. 10, h. 130.

⁸² Al-Ṭabarī (1939), op.cit., j. 9, h. 323-324.

⁸³ Ibid.

Sejurus kemudian al-Rabī⁸⁴ keluar dengan memegang sekeping kertas lantas membacakan isi kandungannya yang berupa wasiat Khalīfah Abū Ja'far al-Manṣūr kepada Putera Mahkotanya, al-Mahdī dan kepada seluruh rakyatnya.⁸⁴

1.2 'ABD ALLĀH B. 'ALĪ

1.2.1 Nama, Sifat dan Nisbah

Nama beliau ialah 'Abd Allāh b. 'Alī b. 'Abd Allāh b. al-'Abbās. Ibunya bernama Lubnā, seorang hamba berbangsa Parsi.⁸⁵ Beliau mempunyai pertalian kekeluargaan dengan Khalīfah Abu al-'Abbās 'Abd Allāh dan Khalīfah Abū Ja'far al-Mansur. Kedua-dua orang Khalīfah ini merupakan anak saudaranya. 'Abd Allāh b. 'Alī adalah salah seorang dari dua puluh dua orang anak kepada 'Alī b. 'Abd Allāh b. al-'Abbās. Tiga orang anaknya bernama 'Abd Allāh iaitu 'Abd Allāh *al-Akbar*, 'Abd Allāh *al-Awsaṭ* dan 'Abd Allāh *al-Asghar* (iaitu 'Abd Allāh *al-Saffāḥ* yang memberontak terhadap al-Manṣūr).⁸⁶

'Abd Allāh bertubuh kurus, tinggi lampai serta mempunyai sedikit jambang.⁸⁷ Beliau adalah salah seorang dari kalangan tokoh gerakan 'Abbāsiyyah

⁸⁴ Antara isi surat wasiat al-Mansur yang dibacakan oleh al-Rabī b. Yūnus di hadapan rakyat adalah seperti berikut: "Bismillāh al-Rahmān al-Rahīm. Dari 'Abd Allāh al-Manṣūr, Amīr al-Mu'minīn kepada Banī Hāshim dan penyokong-penyokongnya dan kepada penduduk Khurāsān dan seluruh rakyat. Adapun selepas dari itu, sesungguhnya saya menulis surat ini pada hari terakhir dalam hidup saya di dunia dan hari pertama kehidupan saya di akhirat. Saya mengucapkan salam kepada kamu. Saya berdoa agar kamu tidak ditimpa bencana/fitnah, tidak berpecah dan tidak bercakaran sesama sendiri selepas kematian saya..." Setelah surat ini selesai dibacakan, maka al-Rabī terus mengambil *ḥay'ah* dari orang ramai kepada al-Mahdī. Ibid.

⁸⁵ Al-'Ya'qūbī (t.t.), op.cit., j. 2, h. 322; Ibn Hazm (1948), op.cit., h. 17-18.

⁸⁶ Ibid.

⁸⁷ Al-Mubarrad, Abū al-'Abbās Muḥammad b. Yazīd (1365H), *al-Kāmil fī al-Lughah wa al-Ādāb*, j. 2, Mesir: Maṭba'ah al-Hijāzī, h. 148.

yang lari dari Hamimah menuju ke Kūfah sebaik sahaja Ibrāhīm *al-Imām*⁸⁸ ditangkap oleh Khalīfah Banī Umayyah di awal tahun 132H./749M.

1.2.2 *Laqab (Gelaran)*

Beliau digelar oleh sejarawan sebagai “*al-Saffāh*” yang bererti penumpah darah.⁸⁹ Gelaran buruk ini sesuai dengan tindakan ganasnya terhadap saki baki penyokong Banī Umayyah selepas mereka tewas di tangan tentera ‘Abbāsiyyah dalam peperangan *Zāb*.⁹⁰

Hampir tiada penyokong Banī Umayyah yang terselamat kecuali mereka yang bersembunyi, sedang menyusu, mendapat pengampunan atau lari untuk menyelamatkan diri⁹¹ ke al-Maghrib⁹² dan Andalusīā⁹³ seperti ‘Abd al-Rahmān *al-Dākhil* dan lain-lain lagi. Kedudukannya sebagai Gabenor di Syam dipergunakan sepenuhnya untuk menjejaki, menindas dan membunuh pengikut Banī Umayyah

⁸⁸ Ibrāhīm al-Imām adalah penggerak utama kebangkitan Banī ‘Abbās ketika itu.

⁸⁹ Justeru keburukan gelaran ini, maka sesetengah ahli sejarah menolak gelaran *al-Saffāh* dari Khalīfah Abū al-‘Abbās ‘Abd Allāh dan menegaskan bahawa gelaran beliau adalah al-Mahdī. Lihat Hasan Ahmad Mahmūd et al. (1973), op.cit., h. 67.

⁹⁰ *Zāb* iaitu *Zāb al-Kabir*, sebatang anak sungai di ‘Iraq cabang kepada sungai Dajlah. Di sinilah berlaku pertempuran antara tentera ‘Abbāsiyyah dengan tentera Banī Umayyah yang dipimpin Marwān II. Pertempuran yang berlangsung selama sembilan 9 atau 11 hari itu meranapkan kekuasaan Banī Umayyah di Timur. Lihat al-Yasū‘ī (1988), op.cit., h. 248.

⁹¹ Hasan Ahmad Mahmūd et al. (1973), op. cit., h. 66.

⁹² *Al-Maghrib*. Nama yang digunakan oleh ahli Geografi kepada negara Barbar atau Afrika Kecil yang merangkumi Tarablus Barat (Libyā), Tunisia, Algeria dan Marakish. Sekarang meliputi beberapa negara iaitu Libya, Tunisia, Algeria, Mauritania dan Maghribī. Lihat al-Yasū‘ī (1988), op.cit., h. 157, 169, 461, 484, 495 dan 510.

⁹³ *Andalusīā*. Nama yang digunakan oleh orang Arab kepada Semenanjung Iberia secara umumnya setelah mereka menguasainya. Andalusia adalah empayar berasingan dari *daulah* ‘Abbāsiyyah dan membentuk pemerintahan Qurtuba (Qardova) di zaman pemerintahan Abd al-Rahmān *al-Dākhil* pada tahun 138H./755M. Pemerintahan ini bagaimanapun hancur dan diikuti oleh *daulah Umayyiyah* kedua dan kemudiannya disusuli kerajaan-kerajaan kecil seperti *Mulūk al-Ṭawā’if*, *al-Murābi‘ūn* dan *al-Muwahhidūn*. Andalusia pada hari ini ialah sebuah jajahan di Selatan Sepanyol yang merangkumi lapan kawasan. Lihat Ibid., h. 55.

atas alasan menuntut bela terhadap keturunannya (*Hāsyimiyyīn*) yang dianiyai oleh Khalīfah-khalīfah Banī Umayyah sebelum itu.⁹⁴

Operasi pembersihan etnik itu dilihat agak keterlaluan apabila beliau membongkar kubur-kubur Khalīfah Umawiyah, selain kubur Khalīfah ‘Umar ‘Abd al-‘Azīz⁹⁵ dan mengeluarkan tulang temulang mereka untuk dibakar. Mayat Khalīfah Hishām yang masih sempurna disula, disebat dan kemudiannya dibakar.⁹⁶ Tindakan yang melampaui batas ini menjustifikasikan gelaran *al-Saffāh* yang diberikan oleh ahli Sejarah terhadapnya.

1.2.3 Sumbangan Kepada Gerakan ‘Abbāsiyyah

Peranan yang dimainkan oleh ‘Abd Allāh b. ‘Alī mula menonjol semasa gerakan ‘Abbāsiyyah sedang giat dijalankan. Sumbangannya kepada *daulah* ‘Abbāsiyyah berterusan sehinggalah Khalīfah Abū al-‘Abbās ‘Abd Allāh meninggal dunia dan Abū Ja‘far al-Manṣūr dilantik sebagai Khalīfah bagi menggantikannya.

‘Abd Allāh b. ‘Alī adalah antara orang kepercayaan Khalīfah Abū al-‘Abbās, panglima perang terhandal, berani dan tahan lasak. Beliau dihantar oleh Khalīfah Abū al-‘Abbās ke *Shaharzūr*⁹⁷ dan *Mawṣil* sebagai persiapan bersama

⁹⁴ Hasan Aḥmad Maḥmūd et. al (1973), op. cit., h. 66.

⁹⁵ Ibid., h. 67.

⁹⁶ Ibn Kathīr (1987), op. cit., j. 10, h. 135.

⁹⁷ *Shaharzūr*: sebuah tempat di Kurdistan, merupakan tanah pamah yang cantik di Utara banjaran Uraman. Lihat al-Yasū‘ī, (1988), op. cit., h. 299.

panglima-panglima lain⁹⁸ untuk bertempur dengan tentera Banī Umayyah di Zāb. Beliau dianggap wira yang membawa kemenangan besar kepada pergerakan ‘Abbāsiyyah setelah berjaya meranapkan tentera Umawiyah dalam peperangan Zāb melalui arahan serta strateginya yang berkesan.⁹⁹

Beliau kemudiannya bertanggungjawab menjalankan operasi menjejaki Marwān II yang lari setelah tewas dalam pertempuran di Zāb. Melalui strategi ancaman dan ugutan beliau berjaya menggerunkan Marwān. Terdapat laporan Sejarah yang menyebut bahawa Marwān pernah berkata bahawa beliau lebih sanggup berhadapan dengan ‘Alī b. Abū Tālib dari berhadapan dengan ‘Abd Allāh b. ‘Alī ini.¹⁰⁰ Tanpa rasa jemu, ‘Abd Allāh b. ‘Alī meneruskan operasi memburu Marwān sehingga ke Syām dan Palestin.¹⁰¹

Di Palestin beliau mendapat arahan dari Khalīfah supaya menyerahkan kerja-kerja menjejaki Marwān kepada saudaranya iaitu Šālih b. ‘Alī dan ‘Āmir b. Isma‘īl.¹⁰² Marwān akhirnya berjaya dibunuh oleh Šālih di satu tempat bernama Būšīr di Mesir,¹⁰³ dan kepalanya dihantar kepada Khalīfah Abū al-‘Abbās.¹⁰⁴

⁹⁸ Antara panglima perang yang turut mengetuai pasukan masing-masing bersama-sama ‘Abd Allāh b. ‘Alī ialah saudaranya Šālih b. ‘Alī dan al-Ḥaṣan b. Quḥṭabah disamping pasukan bantuan yang dihantar secara berperingkat mengikut keperluan. Lihat al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 9, h. 130.

⁹⁹ Ḥasan Aḥmad Maḥmūd dan Aḥmad Ibrāhīm al-Syarīf (1973), op. cit., h. 65.

¹⁰⁰ Al-Mubarrad (1365H), op. cit., j. 2, h. 148.

¹⁰¹ Al-‘Imrānī, Muḥammad b. Alī b. Muḥammad (1975), *al-Inbā’ fī Tārīkh al-Khulafā’*, Mesir: Maṭba‘ah al-Ḥalabī, h. 52; Al-Suyūṭī (t.t.), h. 257.

¹⁰² Al-Ṭabarī (1939), op. cit., j. 6, h. 88 ; Al-Azdī (1967), op. cit., j. 2, h. 163 ; Al-Maqdisī (1899), op. cit., j. 6, h. 71, 74 ; Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1983), op. cit., j. 2, h. 19.

¹⁰³ Al-Kindī (1912), *al-Wulāh wa al-Qudāh*, Beirut: Maṭba‘ah Dār al-Masyriq, h. 95.

¹⁰⁴ Al-Asfahānī, Abū al-Faraj (1956), *al-Aghānī*, j. 4, Beirut: Mansyūrāt Dār Maktabah al-Hayāh, h. 292. ; Al-Ya‘qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 414.

1.2.4 Pengiktirafan Dari Khalīfah Abū al-‘Abbās

Sebagai mengiktiraf ketokohan, sumbangan dan pengalaman yang dimiliki oleh ‘Abd Allāh b. Alī, Khalīfah Abū al-‘Abbās telah melantiknya sebagai Gabenor wilayah Syam dan kawasan-kawasan sekitarnya.¹⁰⁵ Syam sebelumnya adalah kubu kuat Banī Umayyah dan merupakan pusat pemerintahan kerajaan ini. Justeru itu perlantikan ‘Abd Allāh b. ‘Alī sebagai penguasa Syam mungkin bertujuan menghapuskan pengaruh Banī Umayyah ke akar umbi di samping pengiktirafan terhadap jasa-jasanya seperti yang disebutkan tadi.

Di samping bertanggungjawab membanteras pengaruh Banī Umayyah di Syam, ‘Abd Allāh b. ‘Alī juga diberi mandat memimpin bala tenteranya melancarkan serangan *Syawātī* (serangan di musim bunga dan musim sejuk) dan *Ṣawā‘if* (serangan di musim panas) terhadap Rom Byzantine yang bersempadan dengan jajahan takluk ‘Abbāsiyyah ketika itu.¹⁰⁶

Dari paparan sumbangannya di atas, jelaslah bahawa beliau adalah perisai penyelamat dan benteng yang ampuh samada ketika kempen gerakan ‘Abbāsiyyah sedang giat dijalankan mahupun setelah Abū al-‘Abbās dilantik menerajui *daulah* ‘Abbāsiyyah pada tahun 132H. Kemuncak ketokohan dan sumbangannya terbalas

¹⁰⁵ Hasan Ibrāhīm Hasan (1983), op. cit., j. 2, h. 97.

¹⁰⁶ Ahmad Mujāhid Miṣbāh dan Muḥammad Muṣṭafā al-Najjār (1967), *Futūḥāt al-Islām fī Ifrīqiā wa al-Maghrib wa al-Andalus*, c. 1, Mesir: Maṭābi‘ Syarikah al-Ṭibā‘ah al-Fanniyyah al-Muttaḥidah, al-‘Abbāsiyyah, h. 161.

apabila beliau dilantik sebagai Gabenor/Penguasa Syam dan kawasan sekitarnya, juga sebagai Pemerintah Tertinggi angkatan tentera yang berpusat di Syam.¹⁰⁷

Kesetiaannya yang tidak berbelah bagi kepada *daulah* 'Abbāsiyyah bagaimanapun menjadi luntur dan bertukar wajah sebaik sahaja beliau menerima berita kemangkatan Khalīfah Abū al-'Abbās dan penabalan Abū Ja'far al-Manṣūr sebagai penggantinya di samping 'Isā b. Mūsā sebagai Putera Mahkota. Ketika itu beliau sedang memimpin bala tenteranya dalam peperangan *Ṣā'ifah* menentang Rom¹⁰⁸. Sebelumnya beliau langsung tidak menyedari bahawa al-Manṣūr dilantik sebagai Khalifah dan 'Isā b. Mūsā sebagai Putera Mahkota. Bermula dari saat itulah beliau terus memimpin satu pemberontakan di Syām bagi mencabar Khalīfah Abū Ja'far al-Manṣūr dengan alasan beliau yang berhak menaiki takhta dan bukannya al-Manṣūr.¹⁰⁹

¹⁰⁷ Ibn Qutaybah al-Dinawārī (1907), op. cit., j. 2, h. 152.

¹⁰⁸ Peristiwa ini berlaku pada bulan Dhū al-Hijjah tahun 136H. setelah kewafatan Khalīfah Abū al-'Abbās 'Abd Allāh. Lihat al-Ya'qūbī (t.t.), op. cit., j. 2, h. 322 ; Ibn. Qutaybah al-Dinawārī, Abū Muḥammad 'Abd Allāh b. Muslim (1972), *Uyūn al-Akḥbār*, j. 2, Mesir: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb, Kaherah h. 210-211; Ibn al-Athīr (t.t.), op. cit., j. 1, h. 278, 305, dan 367.

¹⁰⁹ Ibn. Qutaybah al-Dinawārī (1972), op. cit., j. 2, h. 209. Perkembangan pemberontakan 'Abd Allāh b. 'Alī akan dibincangkan secara khusus dan menyeluruh dalam bab yang akan datang.